





LUAK JEMPOL

PETA



KAMPUNG BUKIT PERAH



KAMPUNG PULAU

LEMBAGA MUZIUM NEGERI SEMBILAN
JALAN SUNGEI UJONG,
70200 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN.
06-7631149



Muzium Negeri Sembilan




<http://lmns.ns.gov.my/en/>

TAPAK MEGALITIK LUAK JEMPOL



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia



SEJARAH LUAK JEMPOL

Luak Jempol merupakan salah satu luak yang terdapat di Luak Tanah Mengandung dan sempadan luak ini meliputi kawasan di bahagian hulu sungai hingga ke kuala Sungai Jempol. Kuala Sungai Jempol terletaknya jalan penarikan iaitu laluan perdagangan di antara Melaka dan Pahang sewaktu kegemilangan kerajaan Melayu Melaka pada abad ke-15. Selain itu, kuala Sungai Jempol yang mengalir ke Sungai Muar merupakan jalan yang sering digunakan oleh pedagang dari Melaka untuk ke Pahang. Dari Sungai Muar, para pedagang akan menggunakan laluan penarikan (melalui Sungai Jempol-Sungai Serting) hingga ke Pahang melalui Sungai Pahang.

Peneroka Minangkabau yang datang ke Luak Jempol dipercayai berasal dari Jambu Lapan kemudian mereka bermudik ke Sungai Muar sehingga ke laluan penarikan. Selain itu, mengikut catatan oleh Balai Penghulu Luak Jempol mengenai kedatangan orang Minangkabau adalah bermula dengan empat suku datang ke Melaka dan seterusnya ke Batang Tiga. Empat suku awal yang datang adalah:

- a. Suku Seri Melenggang diketuai Juara Megat
- b. Suku Tiga Batu diketuai Susu Laboh
- c. Suku Tanah Datar (tiada ketua)
- d. Suku Mungkal (tiada ketua)

Penghulu Luak Jempol menjadi ketua adat dan agama di luak tersebut dan di bawahnya terdapat Dato' Lemba yang mengetuai suku masing-masing. Gelaran bagi penghulu luak adalah Dato' Lela Putra Setiawan dan dilantik daripada waris Biduanda. Selain itu, penghulu Luak Jempol dikurniakan cop mohor oleh Sultan Johor sama seperti penghulu luak yang lain. Hal ini kerana sebagai membala jasa taat setia penghulu kepada Yamtuan Antah. Di samping itu, terdapat 10 suku dan 12 Dato' Lemba di Luak Jempol. Hal ini kerana suku Tiga Batu terbahagi kepada tiga, maka jumlah Dato' Lemba di Luak Jempol adalah seramai 12 orang. Gelaran Dato' Lemba dan sukunya adalah seperti berikut:

- a. Dato' Raja Lela (suku Tiga Batu)
- b. Dato' Maharaja Setia (suku Tiga Batu)
- c. Dato' Setia Raja (suku Tiga Batu)
- d. Dato' Seri Amar Menteri (suku Tanah Datar)
- e. Dato' Komo (suku Mungkal)
- f. Dato' Setia Penghulu (suku Tiga Nenek)
- g. Dato' Setia Pahlawan (suku Seri Lemak Pahang)
- h. Dato' Umbi/Dato' Dio/Dato' Maharaja/Dato' Bentara (suku Biduanda Waris)
- i. Dato' Raja Senara/Dato' Jengkaya (suku Seri Melenggang)
- j. Dato' Besar (suku Batu Hampar)
- k. Dato' Seri Pahlawan (suku Anak Aceh)
- l. Dato' Sura (suku Paya Kumbuh)

TINGGALAN TAPAK MEGALITIK
LUAK JEMPOL

KAMPUNG
TENGKEK

1. Kampung Anak Ayer Bulan
2. Kampung Anak Ayer Penghulu
3. Kampung Bukit Perah
4. Kampung Bukit Tempurung
5. Kampung Jerjak Masjid
6. Kampung Jerjak Seberang
7. Kampung Kasau
8. Kampung Keru Dalam
9. Kampung Majau
10. Kampung Padang Lebar
11. Kampung Pulau
12. Kampung Rachang
13. Kampung Seri Melenggang
14. Kampung Sungai Jelutong
15. Kampung Tampin Pus
16. Kampung Tapak
17. Kampung Tengkek

KAMPUNG
KASAU

KAMPUNG
JERJAK MASJID

KAMPUNG
RACHANG